

03/10/2002

Korporat diminta laksana tanggungjawab sosial

Rosniza Mohd Taha

PETALING JAYA, Rabu - Sektor korporat diminta melaksanakan tanggungjawab sosial kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti anak yatim, warga tua dan orang kurang upaya.

Presiden Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata sokongan dan bantuan sektor itu amat perlu kerana khidmat kerajaan dan badan amal terhadap.

Beliau yang juga isteri Perdana Menteri berkata, pembangunan sesebuah negara bukan saja bergantung kepada kestabilan ekonomi, malah taraf kehidupan masyarakatnya.

Katanya, satu cara mencapai keseimbangan ialah dengan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik.

"Kita tidak boleh mengharap badan amal atau kerajaan saja menghulurkan bantuan kewangan dan sokongan kepada golongan ini. Sektor swasta dan korporat juga perlu membantu.

"Kerjasama antara badan kebajikan, kerajaan, institusi korporat dan organisasi lain melambangkan kemuafakatan rakyat Malaysia serta mampu merapatkan jurang taraf hidup rakyat negara ini," katanya pada Majlis Makan Malam Amal `Allianz Care For Malaysians', di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, di sini hari ini.

Hadir sama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Allianz Life), Datuk Dr Mohd Shahari Ahmad Jabar.

Dr Siti Hasmah berkata, perangkaan menunjukkan kira-kira 106,000 orang kurang upaya yang terdiri daripada kanak-kanak, orang tua dan pekerja cacat berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat ketika ini dan ada juga OKU yang tidak berdaftar serta mendapatkan bantuan menerusi cara lain.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah menyampaikan sumbangan RM450,000 hasil kutipan daripada 2,000 individu dan wakil korporat serta dua peratus hasil jualan insurans Allianz Life kepada lapan badan kebajikan, termasuk rumah anak yatim, yayasan kebajikan, Pusat Jagaan Orang Tua dan Pusat Jagaan Orang Kurang Upaya.